

UMP bantu dalam pengurusan Pusat Sumber Sekolah



Pekan, 6 April- Perpustakaan Universiti Malaysia Pahang (UMP) mengadakan ceramah Pusat Sumber Sekolah Digital yang disertai oleh 64 buah sekolah di daerah Pekan yang melibatkan guru pusat sumber sekolah bagi memantapkan peranan pengurusan pusat sumber sekolah yang kebanyakannya masih mengurus koleksi secara tradisional. Setakat ini UMP telahpun berjaya membantu sebanyak 46 buah sekolah sekitar daerah Pekan dalam menjadikan pusat sumber mereka mengaplikasikan teknologi maklumat seiring dengan masa kini.

Hadir dalam program Ketua Pustakawan UMP, Haji Ruslan Che Pee yang berpendapat usaha ini bukan sahaja program khidmat komuniti malah ianya sejajar pelan strategik UMP iaitu memasyarakatkan teknologi. Di samping itu, program ini dapat membantu tugas guru dalam pengurusan koleksi pusat sumber serta mengeratkan hubungan sekolah sekitar dengan UMP.

"Terdapat juga bahan yang tidak diurus rapi apabila berlaku pertukaran guru pusat sumber. Antara faktor kepada masalah pengurusan koleksi pusat sumber sekolah ialah pusat sumber tidak diuruskan oleh profesion pustakawan, kos untuk membentuk sistem katalog sangat tinggi dan pusat sumber sekolah mempunyai koleksi dan pengguna yang terhad," katanya.



Justeru katanya, perpustakaan universiti membantu menyediakan satu sistem sebagai penyelesaian masalah ini dengan memperkemalkan Sistem Katalog Induk Daerah Pekan. Sistem ini dapat membantu guru dan pihak sekolah menguruskan koleksi mereka secara sistematik dan tersusun dengan penyimpanan data koleksi secara digital.

Kebanyakan guru pusat sumber sekolah ini ternyata berminat dengan sistem induk katalog ini kerana dapat membantu meringankan kerja mereka, malah menjimatkan masa dan wang. Pada masa akan datang, sistem katalog induk pusat sumber sekolah ini akan dinaiktaraf menjadi katalog induk pusat sumber sekolah-sekolah di negeri Pahang.

Ceramah disampaikan oleh Timbalan Ketua Pustakawan, Dzull Zabarrud Ahmad bertajuk Sistem Berpusat Katalog Pusat Sumber Sekolah di samping memperkenalkan satu sistem yang dapat membantu guru menyelesaikan masalah sistem koleksi yang sering dihadapi oleh pusat sumber sekolah. Selain itu, Pustakawan, Muhammed Fawwaz Abdul Rasid turut berkongsi berkenaan koleksi digital dan alat pencarian maklumat Perpustakaan UMP yang memberi pendedahan kepada alat-alat pencarian maklumat dalam bentuk digital dan elektronik.

Dalam pada masa yang sama ceramah turut disampaikan Pustakawan UMP, Iswan Akim Ismail yang menerangkan mengenai perkhidmatan dan kemudahan perpustakaan UMP yang ditawarkan kepada ahli publik yang boleh mereka nikmati sekiranya mendaftar di dalam pakej keahlian komuniti perpustakaan UMP. Program diakhiri dengan aktiviti "library tour" dikendalikan oleh Pustakawan, Ahmad Nurudin Abdul Nasir yang menarik perhatian peserta yang mana mereka berpeluang menyaksikan sendir kemudahan dan koleksi perpustakaan, proses kerja unit yang berkaitan serta peserta berpeluang menikmati pemandangan cantik sekitar perpustakaan dan kampus UMP Pekan.

Disediakan oleh Muhammed Fawwaz Abdul Rasid dari Perpustakaan UMP.

Posted By : NORHIDAYAH BINTI MOHAMAD Date Posted : 21-04-2017, 16:35:28